

Rencana Pengarang

di dalam perusahaan tidak dapat diselam dengan mendalam.

Umpamanya soal mendapatkan modal. Kerajaan berusaha membantu tujuan ini. Kerajaan mengadakan “MARA”, kerajaan menubuhkan Bank Bumiputera dan lain-lain dengan tujuan-tujuan dan maksud yang baik, tetapi pelaksanaan ? Soal inilah yang harus dikaji untuk meliputi maksud-maksud yang dituju. Kita tidak bermaksud supaya kerajaan menumpahkan segala-galanya tetapi kerajaan menghalusi dan menyelidiki dengan tenaga keahlian dan kemahiran di dalam sesuatu bahagian – bukan pakai borong sahaja sehingga orang-orang memandang lebih mudah meminjam dan mendapat bantuan dari badan-badan asing daripada badan yang ditubuhkan oleh kerajaan yang kononnya ditujukan kerana membantu rakyat bumiputera.

Kita berharap persoalan ini dapat perhatian bersungguh-sungguh dari kerajaan atas dasar yang tersebut.

* * *

Persidangan Dewan Perniagaan Melayu di Ipoh

Syor-syor yang dikemukakan di dalam Persidangan Dewan-dewan Perniagaan Melayu yang diadakan di Ipoh baharu-baharu ini menarik kita menulis rencana ini, kerana daripada syor-syor yang dikemukakan dan di bawa ke dalam persidangan itu menampakkan adakah ia senam atau pun sepuh dalam sesuatu golongan atau pun puak untuk perkembangan sesuatu bangsa bagi masa yang akan datang.

Di antara syor-syor yang dikemukakan di dalam Persidangan Dewan itu ialah mendesak supaya diadakan syarikat

perkapalan, mengubah nama *Malaysian, Singapore Aerobus*, mengurangkan cukai pendapatan perniagaan, yaitu perkara-perkara yang tidak kena mengena atau pun kalau ada, jauh benar dengan kedudukan perniagaan dan taraf perusahaan-perusahaan orang-orang Melayu.

Syor-syor yang didatangkan begitu tinggi dan tidak termakan di dalam usaha-usaha orang-orang Melayu sendiri di dalam keadaan baharu berniaga itu tentulah menjadi sesia sahaja dan tidak memberi bekas dan tidak berfaedah kepada ahli-ahlinya, kerana umpamanya mengadakan syarikat perkapalan – bukanlah satu usaha yang mudah dan terdaya permodalannya dan mengisinya oleh usaha-usaha orang-orang Melayu.

Hal ini dapat diperhatikan oleh peserta-peserta sebagai perwakilan dewan-dewan perniagaan itu, dan dengan kerana itu moleklah tiap-tiap syor yang dikemukakan ke dalam Dewan Perniagaan itu syor-syor yang boleh dilaksanakan dan diamalkan dan dijalankan dan memberi faedah kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu – bukan untuk beramai-ramai berkumpul dan bersidang – tetapi tidak memberi dan membawa sesuatu faedah dan mendatangkan kebajikan kepada umum.

Perkara-perkara yang diusaha dan dijalankan hendaklah yang boleh dijalankan dan berfaedah dan dapat dilaksanakan.

Kita yakin kerajaan sentiasa memberi pertolongan di dalam usaha menolong dan memajukan orang-orang Melayu, terutamanya di lapangan perniagaan dan perusahaan, asakan sahaja menepati seperti yang dikatakan oleh Tun Abdul Razak di dalam suatu ucapannya : “Kerajaan sedang membuat sedaya upaya untuk menolong saudagar-saudagar

Melayu, tetapi usaha akan sesia jika mereka tidak berusaha dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka.”

Dasar yang dikatakan beliau sangat benar. Kita mendapati masih banyak di dalam golongan kita yang menamakan dirinya “saudagar Melayu” tetapi pada namanya sahaja, sedang usahanya dijalankan oleh lain-lain bangsa. Mereka hanya menjadi patung-patung di dalam perusahaan dan perniagaan – tidak sebenarnya berusaha dan berniaga.

Tetapi sebaliknya masih ada bangsa kita yang berusaha dan berniaga dari modal yang kecil, dengan bersusah payah, percaya kepada tenaga dan diri sendiri untuk menegakkan tarafnya supaya dapat bersaing dengan bangsa asing. Sedikit berkata tetapi banyak bekerja. Dan telah terbukti usaha-usaha yang semacam inilah yang patut mendapat perhatian dan difikirkan bersama.

Hendaknya dewan-dewan perniagaan Melayu bawalah syor-syor atau rundingan yang rendah dan berfaedah yang boleh dilaksanakan supaya bermanfaat kepada seumum ahli-ahlinya – daripada bercakap besar, berunding, tetapi habis rundingan tidak memberi faedah dan tidak dapat dikerja dan dilaksanakan.

* * *

Revolusi Mental – Kebahagiaan atau Keruntuhan ?

Di dalam lain ruangan, kita ada menyiarkan ucapan Syed Nasir bin Ismail Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di pameran buku-buku yang diadakan di Melaka baharu-baharu ini. Beliau telah memberi perhatian terhadap kepada adanya langkah-langkah “revolusi mental” yang dianjurkan oleh golongan pemerintah